

KEGANASAN: TELA'AH TERHADAP KONSEP *JIHĀD FĪ SABĪLILLĀH*

Khairunnas Rajab*
Fikri Mahmud**

ABSTRACT

In al-Qur'an, the term jihād does not always mean a battle using a weapon, but can mean a fight in general. For the term of battle using a weapon, al-Qur'an uses "al-Qitāl" or "al-Ḥarb". The terms of terrorism and jihād are very different in their application. In Islamic literature, the term terrorism is not found. The term found is al-Ḥirābah. Al-Ḥirābah is a crime action committed by people or a group of people armed to terrorize, to kill or to do bloodshed, to seize, to damage properties, plants, animals and so forth. The doer is called al-Muḥāribūn and Quṭṭā' al-Ṭarīq.

Keywords: *Islam, jihād, terrorism, al-Qitāl, al-Ḥarb*

PENDAHULUAN

Islam adalah agama Allah yang diturunkan kepada Muhammad S.A.W, menjadi rahmat bagi sekalian alam.¹ Keganasan adalah bagi menyebut perilaku yang melanggar hak-hak asasi manusia dan merugikan jiwa orang lain. Namun kedua-duanya selalu dihubungkan. Setiap ada insiden keganasan,

* Senior Lecturer, Faculty of Psychology, UIN "SUSKA" Riau, Executive Director & Therapist Islam at Lembaga Pengkajian Umat "Madine el-Jadid", khairunnasrajab@gmail.com.

** Lecturer, Faculty of Usuluddin, UIN "SUSKA" Riau.

¹ Lihat surah al-Anbiyā', 21:107.

selalu dikaitkan dengan Islam. Pada sudut yang lain, gerakan-gerakan yang membawa imej keganasan memang wujud dalam masyarakat Islam. Sebahagian kelompok ekstrim Islam melakukan aksi-aksi keganasan dengan alasan melaksanakan jihad. Perkara tersebut semakin menambah pandangan negatif dan memperburuk imej Islam di mata dunia.

Selepas serangan 11 September 2001 ke atas bangunan berkembar Pusat Dagangan Dunia (*World Trade Centre*) di New York, masyarakat dunia bertekad memerangi keganasan. Amerika Syarikat adalah negara yang bertekad dalam membanteras pelbagai perilaku keganasan. Beberapa negara Islam yang dianggapnya sebagai penaja keganasan menjadi sorotan.² Sementara itu, tindakan membanteras keganasan seperti yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, tidak boleh menghentikan gerakan tersebut, malahan menambah perkembangannya.³ Langkah yang ditempuh Amerika dan sekutunya dalam memerangi keganasan telah menimbulkan rasa yang kurang sedap bagi masyarakat dunia, khususnya di negara-negara Islam.⁴

² Setelah peristiwa tersebut, Presiden George W. Bush mengimbau untuk melaksanakan *crusade* (*perang suci*, istilah yang digunakan pada masa perang salib). Fred Iklé, bekas pegawai tinggi di Kementerian Pertahanan Amerika Syarikat pada masa pemerintahan Ronald Reagan, menghasut untuk menyerang Makkah dan Madinah. Sedangkan Charles Kauthammer mengatakan bahawa menangkap Osama sahaja tidak cukup, sasaran selanjutnya haruslah juga Taliban, kemudian Syria, dan akhirnya Iran dan Iraq. Lihat Majid Tehranian (2003), "The Center Cannot Hold: Terrorism and Global Change," dlm. Uwe Johannsen, Alam Smith dan James Gomez (eds.), *September 11 & Political Freedom: Asian Perspectives*. Singapore: Select Pub & Friedrich Naumann Foundation, hh. 46-47 dan 59. Pada sudut yang lain, bekas Komander Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), Jeneral Wesley Clark menyatakan bahawa White House merancang rancangan lima tahun selepas tragedi 11 September 2001, untuk menyerang tujuh negara Islam, iaitu Iraq, Syria, Lebanon, Libya, Iran, Somalia dan Sudan. Perkara ini didedehkannya dalam buku barunya *The Clark Critique*, yang dipetik oleh majalah *Newsweek*, dalam laman web <http://www.msnbc.com/news/969671.asp?>, akses pada 23 September 2003; lihat juga *Utusan Malaysia*, 24 September 2003.

³ Lihat laman web The Terrorism Research Center, <http://www.terrorism.com>.

⁴ Ketika terjadi serangan 11 September 2001, semua pemimpin agama di dunia bersatu mengutuknya. Dua tahun selepas itu, pada peringatan kali kedua, Amerika yang seharusnya mendapat simpati malah semakin tidak popular. Sebuah lembaga penyelidikan antarabangsa menyelidiki persepsi masyarakat terhadap Amerika Syarikat di negara-negara Muslim, ternyata Amerika semakin tidak disukai. Lihat Denny J.A (2003), "Dua Tahun Tragedi 9/11," *Republika Online*, http://www.republika.co.id/kolom_detail.asp?id=139597&kat_id=16, akses pada 13 September 2003.

Antara ajaran Islam yang paling banyak disoroti adalah jihad. Perkataan jihad diberi makna negatif dan difahami sebagai aktiviti keganasan, atau sekurang-kurangnya dianggap sebagai penyebab timbulnya gerakan keganasan. Bahkan menurut Edmund Bosworth, segala aktiviti politik yang berlaku di negara-negara seperti Turki, Iran, Sudan, Ethiopia, Sepanyol, India dan sebagainya selama lebih 12 abad adalah disebabkan oleh panggilan jihad.

Dalam al-Qur'an, pengertian jihad tidak selalu bermakna "perang" menggunakan senjata, melainkan "perjuangan" atau "perlawanan" secara umum. Sebaliknya perang bersenjata diungkapkan dengan perkataan "*al-Qitāl*" atau "*al-Ḥarb*."

Artikel ini cuba mengkaji konsep *jihād fī sabīlillāh* dalam Islam sebagai usaha penela'ahan terhadap makna-makna sebenar jihad, sehingganya tidak keliru menghubungkan dua perkataan yang berlawanan, iaitu Islam dan keganasan.

POLEMIK TERHADAP ISLAM, JIHAD DAN KEGANASAN

Sejak abad pertengahan,⁵ Islam dalam pandangan Barat selalu menjadi sasaran tohmahan, sama ada yang dilakukan oleh pihak gereja mahupun para penulis Barat.⁶ Sikap prejudis terhadap Islam dan umatnya telah lama berakar umbi di Barat, bahkan sama usianya dengan Islam itu sendiri.⁷ Sebelum

⁵ Abad pertengahan (*middle ages*) adalah suatu zaman dalam sejarah Eropah, terhitung sejak abad ke-5 (kira-kira tahun 476) sampai abad ke-15 (kira-kira tahun 1492M.). Sebelumnya disebut abad purbakala (*ancient ages*), dan sesudahnya dinamakan abad kebangkitan (*renaissance*). Sila lihat Hajah Noresah bt. Baharom, *et al.* (2002), *Kamus Dewan*, c. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1; dan *Kamus Am* (1997). Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd., h. 1.

⁶ Lihat, Richard William Southern (1962), *Western Views of Islam in the Middle Ages*. Cambridge: Mass; Maxime Rodinson (1974), "The Western Image and Western Studies of Islam," dlm. Joseph Schacht & C.E. Bosworth (eds.), *The Legacy of Islam*, c. 2. Oxford: Oxford University Press; Norman Daniel (1980), *Islam and the West: The Making of an Image*, c. 4. Edinburgh: University Press; Philip K. Hitti (1985), *Islam and the West: a Historical Cultural Survey*. H.M.J. Irawan (terj.). Bandung: Penerbit Sinar Baru; Albert Hourani (1991), *Islam in European Thought*. Cambridge: Cambridge University Press; Karel Steenbrink (1995), *Kawan Dalam Pertikaian: Kaum Kolonial Belanda dan Islam di Indonesia (1596-1942)*, Suryan A. Jamrah (terj.). Bandung: Penerbit Mizan; dan lain-lain.

⁷ Menurut Firestone, sikap prejudis Barat terhadap Islam sama tuanya dengan Islam itu sendiri (*Western prejudice toward Islam is as old as Islam itself*). Lihat Reuven Firestone (1999), *Jihad: The Origin of Holy War in Islam*. New York: Oxford University Press, h. 13.

berlaku peristiwa 11 September 2001, bagi rakyat Amerika - seperti yang dijelaskan Abdurahman Alamoudi, “Muslim” bererti “pengganas,” sedangkan “Islam” bererti “kekerasan” dan umat Islam disamakan dengan fanatisme.⁸ Selepas peristiwa tersebut imej Islam semakin buruk. Sesetengah pemerhati beranggapan bahawa keganasan benar-benar telah sebatu dengan Islam, Nabi Muhammad dituduh sebagai seorang pengganas.⁹

*“Muhammad was a terrorist. Based upon Muhammad’s actions and teachings, Islam justifies terrorism. Today, Muslims use that justification to attack and murder those who differ from them. Muslim terrorists follow in Muhammad’s footsteps,”*¹⁰

Perkataan jihad diberi makna negatif dan difahami sebagai aktiviti keganasan atau *term* yang dianggap sebagai penyebab timbulnya gerakan keganasan. Bahkan menurut Edmund Bosworth, segala aktiviti politik yang berlaku di negara-negara seperti Turki, Iran, Sudan, Ethiopia, Sepanyol, India dan sebagainya selama lebih 12 abad adalah disebabkan oleh panggilan jihad.

Faktor lain yang menyebabkan timbulnya kesalahfahaman terhadap term jihad dalam Islam, di antaranya adalah sebagai berikut: **Pertama**, adalah kerana sentimen agama. Agama Yahudi, Nasrani dan Islam sebenarnya berasal daripada satu rumpun, iaitu agama Nabi Ibrahim. Tetapi ketiga-tiga pemeluk agama ini selalu bersaing sejak zaman Nabi Muhammad lagi dan berterusan sehingga ke hari ini. Ketika wilayah-wilayah yang dahulunya dikuasai Barat Kristian (Rom) ditakluk oleh kaum Muslimin dan diikuti oleh ramai penduduk wilayah tersebut memeluk Islam, umat Kristian kehilangan pengaruh. Impak psikologi yang ditimbulkannya ialah punca rasa cemburu, iri hati, dengki

⁸ Alamoudi mengatakan, “*For too many Americans, “Muslim” means “terrorist,” “Islam” means “violence” and our community is synonymous with fanaticism.*” Lihat Abdurahman Alamoudi (1997), “Images of Muslims in America,” dlm. Farish A. Noor (peny.), *Terrorising the Truth*. Penang: Just World Trust (JUST), h. 4.

⁹ Salah seorang pemimpin paderi di gereja Kristian Evangelical Amerika Syarikat, Jerry Falwell, dalam satu temubualnya dengan program *60 Minutes* di rangkaian televisyen CBS mengatakan bahawa Nabi Muhammad adalah seorang pengganas. Kenyataannya itu mendapat reaksi keras daripada tokoh-tokoh agama di pelbagai negara, termasuk di Malaysia. Lihat *Utusan Malaysia*, 4 dan 5 Oktober 2002, hh. 1 dan 4.

¹⁰ Silas (t.t.), “Muhammad, Islam, and Terrorism”, dalam laman web <http://www.answering-islam.org/Silas/terrorism.htm>, akses pada 20 April 2004.

yang berkembang menjadi fitnah.¹¹ Secara ketenteraan, mereka tidak mungkin melawan umat Islam, oleh sebab itu mereka melancarkan perang pemikiran (*ghazw al-fikr*). Saint John adalah orang pertama yang menyusun buku pedoman bagi umat Kristian untuk berpolemik dengan umat Islam.¹² Kemudian diikuti pula oleh ‘Abd al-Masih al-Kindi di Sepanyol.¹³ Ia menulis *Risālah* atau *Apology* untuk membela kepercayaan Kristian. Dia menggambarkan Nabi

¹¹ Seharusnya perbezaan yang paling signifikan bukanlah di antara sesama agama serumpun ini, melainkan di antara mereka dengan agama-agama lainnya. Malangnya umat ketiga-tiga agama tersebut saling membenci. Menurut Brown, sudah lazim berlaku dalam berbagai-bagai golongan manusia (sama ada komuniti agama, parti politik, ataupun negara-bangsa) yang mempunyai kesamaan asal-usul, tetapi berpecah-belah satu sama lain dan kemudian secara kumpulan membentuk identiti yang terpisah, maka akibatnya timbullah sikap antipati, bahkan permusuhan. Lihat L. Carl Brown (2003), *Wajah Islam Politik: Pergulatan Agama & Negara Sepanjang Sejarah Umat*. Abdullah Ali (terj.). Jakarta: PT. Serambi Ilmu Sentosa, h. 33.

¹² Saint John berasal dari Damascus (675-749M), adalah seorang ahli teologi (*teologian*) Kristian dan penulis nyanyian untuk gereja (*hymne writer*). Setelah bertugas sebagai seorang pegawai tinggi di istana Khalifah ‘Abd al-Malik b. Marwan (memerintah tahun 685-705M) selama lebih kurang sepuluh atau dua puluh tahun, dia mengundurkan diri dan pergi ke biara St. Saba atau Mar Saba yang terletak di antara Jerusalem dan Laut Mati. Dia menjadi paderi di sana sehingga meninggal pada 27 Mac 749M. Namanya menjadi masyhur setelah pada tahun 726M menerbitkan karya apologinya *Three Apologies Against Who Attack The Devine Images* (diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris tahun 1980M). Selanjutnya sila rujuk Saint Augustine’s. Ramsgate (1947), *The Book of Saints: A Dictionary of Servants of God Canonized by the Catholic Church; Extracted from the Roman and other Martyrologies*, c. 4. London: Adam & Charles Black, h. 326; Donald Attwater (1970), *The Penguin Dictionary of Saints*, c. 3. Great Britain: Penguin Books Inc., h. 194; John Bowker (ed.) (1997), *The Oxford Dictionary of World Religions*. New York: Oxford University Press, h. 506.

¹³ ‘Abd al-Masih b. Ishāq al-Kindi ialah sebuah nama yang dipertikaikan. Menurut Philip K. Hitti, dia hidup di zaman Khalifah al-Ma’mun (memerintah tahun 198-218H/813-833M) atau satu abad sesudahnya. Dia menulis *Risālah*-nya setelah menerima surat dakwah yang dikirimkan oleh khalifah kepadanya melalui seseorang yang segaris keturunan dengan Nabi ‘Abd Allah b. Isma’il al-Hasyimi dan menyerunya supaya masuk Islam. Risalah itu kini terhimpun dalam *Risālah ‘Abd Allah ibn Isma’il al-Hasyimi wa Risālah al-Kindi ilā al-Hasyimi* (Cairo: Percetakan Inggeris-Amerika, 1912). Sila rujuk, Philip K. Hitti (1985), *Islam and the West: a Historical Cultural Survey*. H.M.J. Irawan (terj.). Bandung: Penerbit Sinar Baru, hh. 66 dan 219. Norman Daniel juga menyebut nama penulis *Risālah* tersebut sebagai “nama samaran” (*pseudonymous*). Lihat Daniel (1980), *op.cit.*, h. 6.

Muhammad sebagai seorang pembunuh, dia tidak lupa mengkritik konsep jihad dan peperangan-peperangan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad.¹⁴ Pemikiran-pemikiran Saint John dan al-Kindi telah menimbulkan pengaruh yang amat luas dan lama di seluruh Barat, sama ada dalam karya-karya sastera mahupun karya akademik yang dihasilkan oleh para orientalis kemudiannya.¹⁵ Tetapi pihak gerejalah yang banyak bertanggungjawab dalam menimbulkan imej negatif tentang Islam, ini sudah pun diakui oleh gereja. Selepas Majelis Vatican II (1962-1965), gereja berusaha kembali untuk memulihkan imej Islam yang sudah terlanjur buruk di dunia Barat itu.¹⁶

¹⁴ Lihat Hitti (1985), *op. cit.*, hh. 66 dan 219-221.

¹⁵ Pengaruhnya dapat dilihat dalam karya-karya sastera yang berkembang pada masa abad pertengahan. Misalnya, Dante Alighieri (1265-1321) sasterawan terbesar Italy dalam karyanya *The Inferno* mengatakan bahawa Nabi Muhammad dan ‘Ali dihancurkan ke dalam neraka tingkat kelapan; kerana selama hidupnya telah menabur kekejian dan perselisihan. Lihat Dante Alighieri (1954), *The Inferno*. John Ciardi (terj.). New Brunsweck–New Jersey: Rutgers University Press, h. 236. William Shakespeare (1564-1616) sasterawan dan pelakon drama terbesar Inggeris dalam karyanya *King Henry VI* (Part I, Act I, Scene II: 140-145) juga mempersendakan Nabi Muhammad. Lihat William Shakespeare (1951), *The Complete Works*. Peter Alexander (ed.). London and Glasgow: Collins, h. 593. Voltaire (Francois Marie Arouet, 1694-1778) sejarahwan, sasterawan, penulis, dan ahli falsafah Perancis abad ke-18 dalam karyanya *Le Fanatisme, ou Mahomet le Prophete*, menggambarkan Nabi Muhammad sebagai seorang penipu, zalim, dan berbuat sekehendak hatinya sahaja. Lihat Hitti (1985), *op. cit.*, h. 79.

¹⁶ Selepas Majelis tersebut Pejabat Untuk Urusan-urusan Non-Kristian (The Office for Non-Christian Affairs) di Vatican menerbitkan sebuah dokumen yang bertajuk “*Orientation for a Dialogue between Christians and Muslims.*” Antara isinya adalah mengajak umat Kristian membuang jauh “imej usang” tentang Islam yang telah diwarisi daripada masa silam dan diselewengkan oleh sikap prejudis dan fitnah. Diakuinya bahawa telah berlaku “ketidakadilan” terhadap umat Islam yang dilakukan oleh pendidikan Barat-Kristian. Oleh yang demikian, dokumen tersebut menekankan bahawa “yang pertama sekali yang mesti kita lakukan adalah mengubah cara pandang saudara-saudara kita umat Kristian. Inilah yang paling penting.” Tidak lupa dijelaskannya pengertian jihad yang telah disalahtafsirkan menjadi “perang suci” adalah “usaha untuk menyiarkan Islam dan mempertahankannya melawan para penceroboh” (*the effort to spread Islam and defend it against its aggressors*). Ditambahkannya bahawa jihad tidak bertujuan untuk memusnahkan (*extermination*), tetapi adalah untuk “menyiarkan hak-hak Tuhan dan hak-hak manusia di negeri-negeri baru.” Lihat Maurice Bucaille (1978), *The Bible, The Qur’an and Science*. Alastair D. Pannell & Maurice Bucaille (terj.). Indianapolis, In.: American Trust Publications, hh. ii-iii dan 111-114.

Faktor yang **kedua** menyebabkan salah faham terhadap Islam, adalah kerana konflik yang berlaku di antara kedua-dua belah pihak; iaitu Islam dan Kristian. Konflik tersebut sudah wujud sejak zaman kerasulan Muhammad S.A.W lagi dan dimulai terlebih dahulu oleh pihak Barat itu sendiri (Rom). Gabenor Rom, Syurahbil, membunuh utusan Nabi S.A.W ke Syria, Harith b. 'Umayr al-Azdi, dan penduduk Wadi al-Qura membunuh 15 orang juru dakwah yang pada masa itu boleh dianggap sebagai "keganasan antarabangsa." Pada tahun ke 8H/629M. Rasulullah S.A.W menghantar sepasukan tentera ke Mu'tah untuk menghukum mereka. Tetapi peperangan berakhir tanpa ada pihak yang kalah mahupun yang menang. Kemudian pada masa Khalifah 'Umar b. al-Khattab, umat Islam menakluki Jerusalem. Patriach Sophronius menyerahkan kunci bandar itu kepada khalifah. Umat Islam mengambil alih tanah tempat kelahiran Kristian tersebut daripada tangan kerajaan Rom. Peristiwa ini sangat menyakitkan hati mereka. Menurut Ameer Ali:

*"Barangkali kita tidak akan mendengar (tuduhan) Islam disebarkan dengan menggunakan pedang jika umat Islam tidak menghukum orang-orang Kristian Timur itu kerana pembunuhan ini."*¹⁷

Pada zaman pemerintahan Bani Umayyah dan sesudahnya, umat Islam semakin murka ke Barat. Sejak umat Islam memasuki Eropah pada awal abad ke-8 ke atas wilayah Sepanyol, dua kali mereka kemudiannya melakukan serangan besar-besaran: 1) Dua abad sesudahnya ke atas Sicily dan wilayah di sekitar Lautan Tengah (*Mediterranean Sea*); dan 2) Pada pertengahan abad ke-14 ketika Turki 'Uthmani menakluki wilayah Balkan, merebut Constantinople tahun 1453 (kemudian tahun 1930 dinamakan Istanbul), dan menyerbu Vienna tahun 1529.¹⁸ Keberadaan umat Islam di Sepanyol mencemaskan Perancis, pendudukan mereka ke atas Sicily merunsingkan Italy, sedangkan Turki menakutkan dunia Kristian di wilayah selatan-timur Eropah, sehingga Turki pada masa itu dianggap sebagai "teroris dunia."¹⁹ Pihak Barat secara tidak adil telah membesar-besarkan penaklukan yang dilakukan umat Islam terhadap wilayah-wilayah Eropah. Bagi mereka, penaklukan-penaklukan yang

¹⁷ Lihat Ameer Ali (1974), *The Spirit of Islam*. London: Chatto & Windu, h. 214.

¹⁸ Bernard Lewis (1993), *Islam and the West*. New York: Oxford University Press, h. 13. Lihat juga Samuel P. Huntington (2000), *Benturan Antarperadaban dan Masa Depan Politik Dunia*. Imron Rosyidi *et al.* (terj.). Yogyakarta: Penerbit Qalam, h. 391.

¹⁹ Lihat C.E. Bosworth (1980), "The Historical Background of Islamic Civilization," dlm. R. M. Savory (ed.), *Introduction to Islamic Civilization*. New York, Cambridge: University Press, h. 25; lihat juga Lewis (1993), *op.cit.*, h. 15.

dilakukan umat Islam itu dianggap sebagai agresi budaya (*cultural aggression*), imperialisme Arab (*Arab imperialism*), atau kolonialisme Islam (*Islamic colonialism*), dan sebagai bukti bahawa Islam disebarikan dengan menggunakan pedang.²⁰ Sebaliknya, penjajahan bangsa Eropah tersebut dinamakan sebagai “misi membudayakan bangsa Barbar.”²¹ Mereka lupa bahawa pada abad ke-15 Pope mengeluarkan piagam istimewa yang membahagi dunia bukan Kristian kepada Portugis dan Sepanyol dan memberikan kuasa mutlak kepada mereka untuk “me-Nasrani-kan” penduduknya menurut cara apa sahaja yang mereka rasa baik. Sejarah telah membuktikan bahawa perintah tersebut telah diterjemahkan secara sewenang-wenang dan betapa seksanya penduduk negeri-negeri tersebut di bawah kuasa penjajah itu.²² Tetapi antara konflik-konflik tersebut, Perang Saliblah yang paling banyak mempengaruhi persepsi Barat,²³ sehingga menurut para sarjana telah mewariskan kesalahfahaman dan sikap kebencian terhadap Islam yang amat susah untuk dihapuskan.²⁴ Kerana sepanjang sejarah antara dunia Barat dan dunia Islam selalu terjadi konflik, maka Islam dianggap sebagai “musuh besar” (*the great enemy*).²⁵

Faktor **ketiga** yang menyebabkan salah faham terhadap Islam, adalah kejahilan tentang Islam itu sendiri. Secara umum, masyarakat Barat belum memahami Islam. Pengetahuan mereka tentang Islam adalah merupakan warisan daripada abad pertengahan dan ditambah dengan berita-berita negatif

²⁰ Lihat Ibn Warraq (1995), *Why I am not a Muslim*. New York: Prometheus Books, h. 198. Lihat juga, M. Amin Abdullah (2000), “Relevansi Studi Agama-agama Dalam Milenium Ketiga,” dlm. Amin Abdullah, *et al.*, *Mencari Islam: Studi Islam Dengan Berbagai Pendekatan*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya, h. 16.

²¹ Lihat Habib Siddiqui (2004), “An Analysis of Anti-Islamic Polemics,” dimuat dalam laman web Iviews, <http://www.iviews.com/articles/articles.asp?ref=IV0405-2323&p=2>, akses pada 27 Mei 2004.

²² Lihat Ameer Ali (1974), *op.cit.*, h. 213.

²³ Lihat, Kenneth M. Setton (ed.) (1955), *A History of Crusade*, Philadelphia: University Press; boleh juga dilihat, Steven Runciman (1957), *A History of the Crusades*, Cambridge: Cambridge University Press.

²⁴ Muhammad Asad (1985), *The Road to Mecca*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, h. 3; lihat juga, Karen Armstrong (2003), *Perang Suci: Dari Perang Salib Hingga Perang Teluk*, Hikmat Darmawan (terj.), Jakarta: Serambi, h. 359.

²⁵ Sebagaimana diungkapkan Montgomery Watt, “*For centuries Islam was the great enemy of Christendom, for Christendom was in direct contact with no other organized states comparable in power to the Muslims.*” Maksudnya: “Selama berabad-abad Islam menjadi musuh terbesar dunia Kristian, karena dunia Kristian tidak pernah mengalami kontak (konflik) langsung dengan negara-negara lain yang teratur berbanding dengan kekuatan umat Islam.” Dikutip oleh Siddiqui (2004), *op.cit.*

tentang Islam yang dimuatkan di dalam media. Padahal laporan media di Barat sering tidak adil dan tidak seimbang.²⁶ Max Weber misalnya memandang Islam sebagai “agama perang” (*the religion of warrior class*), dan bertujuan untuk mendapatkan ufti (*jizyah*) daripada penganut agama lain, supaya Islam naik ke peringkat tertinggi dalam skala sosial dunia.²⁷ “...*Muhammad*,” kata Weber, “*menyusun perintah perang suci untuk menakluk orang-orang yang tidak beriman ke dalam autoriti politik dan dominasi ekonomi orang-orang yang beriman.*”²⁸ Menurutnyanya, selama Islam tetap merupakan agama perang (*martial religion*), maka etik agama keselamatan (*ethical religion of salvation*) akan tertunda ke belakang.²⁹ Pandangan Weber ini banyak berpengaruh dalam kajian Islam di Barat, bahkan berpengaruh pada hegemoni Amerika gaya baru (*the new-style American hegemony*) yang menentukan polisi luar negerinya.³⁰

Faktor **keempat** yang menyebabkan salah faham terhadap Islam, adalah kerana kompleks superioriti Barat itu sendiri. Sejak zaman Yunani (Greek), Barat mengidap semacam kompleks superioriti yang membahagi dunia kepada dua macam iaitu: dunia Barat (*the West*), dan dunia lainnya (*the rest*). Dunia Barat dianggap lebih beradab, lebih bertamadun, memiliki sifat-sifat yang positif dan superior; sedangkan dunia lain dianggap biadab, Barbarian,³¹ tidak bertamadun. Oleh itu, penilaian mereka terhadap bangsa bukan Barat selalu

²⁶ Tentang peranan media Barat dalam memperburuk imej Islam, lihat rujuk Said (1981), *op. cit.*, khususnya Bab Kedua, h. 75, lihat juga Robinson (2001), *op. cit.*, hh. 3-4.

²⁷ Max Weber (1971), *The Sociology of Religion*, c. 2. Ephraim Fischhoff (terj.), London: Social Science Paperbacks, h. 262.

²⁸ Maksudnya: “*Muhammad*”, lihat *ibid.*, h. 87.

²⁹ *Ibid.*, h. 88.

³⁰ Lihat Armando Salvatore (1997), *Islam and the Political Discourse of Modernity*, United Kingdom: Ithaca Press, h. 107.

³¹ Berasal daripada bahasa Arab, “Barbar” bermakna sangat kejam, ganas, brutal, biadab dan tidak berperikemanusiaan. Istilah *Barbarian* (Inggeris), *Barbarien* (Perancis), *Barbarus* (Latin), atau *Barbaros* (Greek), pada awalnya digunakan oleh bangsa Greek (Yunani) untuk menjelaskan “semua bangsa yang tidak berbicara dengan bahasa Greek.” Kemudian istilah ini digunakan untuk menyebut “bangsa-bangsa yang hidup di luar kekuasaan empayar Romawi dan di luar tamadun Yunani-Romawi.” Lihat *Standard Dictionary of the English Language* (1967), New International Edition. New York: Funk & Wagnells, h. 113; dan *The New American Desk Encyclopedia* (1993), c. 3. New York: Signet, h. 123; serta *The New International Webster's comprehensive Dictionary of The English Language* (1999), Deluxe Encyclopedia Edition, Naples, Florida: Trident Press International, h. 113.

negatif. Umat Islam disebut *Saracens*, *Moors*, dan lain-lain.³² Kajian-kajian yang dibuat oleh para orientalis banyak dipengaruhi oleh kompleksiti ini.³³

Faktor **kelima** yang menyebabkan salah faham terhadap Islam, adalah kerana sikap sebahagian daripada umat Islam itu sendiri. Segolongan umat Islam memang ada yang bertindak ganas, mereka melakukan keganasan dengan alasan melaksanakan jihad. Ayat-ayat al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi yang berkenaan dengan jihad difahami dengan cara kurang teliti untuk membenarkan tindakan keganasan yang mereka lakukan. Bahkan ada yang menamakan kumpulan mereka dengan menggunakan perkataan jihad, seperti *al-Jihād al-Islāmī*, *al-Tawhīd wa al-Jihād*, dan sebagainya. Tragedi 11 September 2001 disambut oleh segelintir umat Islam dengan rasa syukur dan penuh kegembiraan, walaupun para ulama dan pemimpin Muslim mengutuknya.³⁴ Ekoran peristiwa itu imej buruk tentang Islam yang telah berakar umbi di Barat sejak berabad-abad silam semakin bertambah kuat.

Sebagaimana pada masyarakat lainnya, gerakan yang melakukan aksi keganasan memang wujud pula dalam masyarakat Islam. Kumpulan-kumpulan tersebut, walaupun berlainan nama dan tempat, tetapi dalam melakukan kegiatannya mereka sama-sama menjadikan jihad sebagai alasan bagi gerakan yang mereka lakukan.

³² Menurut Gisbertus Voetius (1589-1676), Profesor teologi di Utrecht, Belanda, istilah '*Saracen*' berasal daripada bahasa Arab, '*Syarq*' (Timur), sedangkan '*Moor*' diambil daripada bangsa di Afrika Utara (bangsa Barbar) dan seterusnya diterapkan ke atas seluruh umat Islam, kerana penduduk bangsa tersebut termasuk penganut Islam yang paling fanatik. Lihat Steenbrink (1995), *op.cit.*, hh. 63-64. Umat Islam juga disebut *Ismaelitus* (maksudnya: keturunan Nabi Isma'īl, dilawankan dengan keturunan Nabi Ishaq, putra Nabi Ibrahim), dan *Agarenius* (maksudnya: keturunan Hagar/Hajar, ibunda kepada Nabi Isma'īl, dilawankan pula dengan Sara/Sarah, ibunda Nabi Ishaq). Nabi Muhammad adalah keturunan Nabi Isma'īl, sedangkan Nabi Musa dan 'Isa berasal dari keturunan Nabi Ishaq. Lihat Daniel (1980), *op.cit.*, h. 14.

³³ Lihat Edward W. Said (1978), *Orientalism*. New York: Pantheon Books.

³⁴ Omar Bakri, misalnya, daripada Barisan Islam Antarabangsa (*International Islamic Front*, IIF) kepada *La Repubblica* yang berpusat di Rom mengatakan bahawa hari serangan yang dilancarkan itu perlu dirayakan. "Bagi dunia Islam, hari ini merupakan hari yang perlu dirayakan dan kami telah mengagihkan gula-gula dan manisan di masjid-masjid di seluruh dunia, terutamanya di London," katanya. Osama b. Laden mengucapkan tahniah kepada kumpulan berani mati yang menyerang Amerika Syarikat itu sambil menafikan dirinya terlibat dalam kejadian tersebut. Malahan menurut salah seorang pembantunya yang kata-katanya dipetik oleh Jamal Ismail, ketua Biro Televisyen Abu Dhabi, "Osama bersyukur kepada Allah dan terus sujud sebaik sahaja mendengar berita itu." Lihat *Utusan Malaysia*, 13 September 2001.

JIHAD DALAM TERMINOLOGI ISLAM

Dalam membahas masalah jihad, para ulama telah menggunakan pendekatan dan kaedah yang pelbagai. Kaedah-kaedah *Uṣūl al-Fiqh* umumnya mendominasi pendekatan yang mereka gunakan. Namun di sini penulis akan menggunakan pendekatan sejarah dalam menghuraikannya. Pendekatan ini akan dibandingkan dengan pelbagai pendekatan tafsiran yang digunakan ulama lain.

Perkataan *jihād* (جِهَادٌ) berasal daripada tiga huruf “جهد” (*jim, ha', dal*) yang boleh dibaca dengan dua cara: “*juhd*” dan “*jahd*”. Bacaan yang pertama (*juhd*) bermakna: kemampuan atau kesanggupan,³⁵ daya, upaya, kekuatan, dan yang semakna dengannya. Sedangkan bacaan yang kedua (*jahd*) bermakna: kesungguhan,³⁶ kesusahan, kesulitan, dan sebagainya.³⁷ Daripada makna asal kalimahnyanya sahaja sudah dapat difahami pengertian bahawa dalam jihad itu ada “pengerahan daya upaya dengan penuh kesungguhan, walaupun menghadapi kesusahan dan kesukaran” dalam melakukan suatu pekerjaan demi mencapai cita-cita atau tujuan yang dikehendaki.³⁸

Jihād merupakan *maṣḍar* daripada perkataan *jāhada* (جَاهَدَ) dengan *wazan* (bentuk perkataan) *fā'ala* (فَاعَلَ) yang lazimnya menunjukkan berlakunya perbuatan daripada dua pihak, kedua-dua belah pihak sama-sama mengerahkan segala daya upayanya untuk menghadapi pihak lawannya. Dalam pengertian bahasa ini, perkataan *jihād* atau *jāhada* tersebut masih bersifat umum; dipergunakan pada orang-orang Muslim mahupun bukan Muslim.³⁹ Boleh jadi

³⁵ Contohnya: “وَالَّذِينَ لَا يَجِدُونَ إِلَّا جُهْدَهُمْ” (*Dan orang-orang yang tidak memperoleh (untuk disedekahkan) selain sekadar kesanggupannya*). Lihat surah al-Tawbah (9): 79.

³⁶ Misalnya: “وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ” (*Mereka bersumpah dengan nama Allah dengan segala kesungguhan*). Lihat surah al-An'am (6): 109.

³⁷ Terdapat perbezaan pandangan di kalangan ahli bahasa, apakah bacaan pertama yang mempunyai makna yang kedua atau sebaliknya. Tapi perbezaan pandangan itu tetap mengandungi kedua-dua pengertian di atas. Lihat Ibn Manzur (1968), *op.cit.*, j. 3, h. 133.

³⁸ Haykal mengutip pandangan al-Nisaburi yang menyatakan bahawa jihad secara bahasa bermakna, “بَذَلَ المجهود في حصول المقصود” (*Mencurahkan daya upaya dalam menghasilkan tujuan yang dimaksud*). Lihat Muhammad Khayr Haykal (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siyāsah al-Syar'iyah*, j. 1. Beirut: Dār al-Bayariq, h. 38.

³⁹ Al-Qur'an juga menggunakan perkataan '*jāhada*' untuk menyebut usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh dua orang tua yang kafir untuk memusyrikan anaknya, seperti yang terdapat dalam ayat: “وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَى أَنْ تُشْرِكَ بِيْ” (*Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukannya*)

jihad itu dilakukan pada jalan Allah (*al-Jihād fī Sabīl Allāh*), dan boleh jadi pula dilakukan pada jalan syaitan (*al-Jihād fī Sabīl al-Syaiṭān*).⁴⁰ Pihak yang ditentang tersebut boleh jadi berupa hawa nafsu diri sendiri, syaitan, orang-orang fasik, mahupun orang-orang kafir dan lain sebagainya, yang mengajak kepada segala bentuk keburukan.

Para ulama dari pelbagai kalangan berbeza pandangan dalam memberikan definisi jihad. Ada yang mendefinisikannya secara umum, dan ada pula yang mendefinisikannya secara khusus. Antara ulama yang mendefinisikannya secara umum adalah Ibn Taymiyyah, menurutnya:

*“Jihad merupakan hakikat ijtihad (pengerahan segala daya upaya secara maksimum) dalam menghasilkan apa sahaja yang disukai Allah berupa keimanan dan segala pekerjaan yang baik, dan menolak segala yang dibenci Allah berupa kekafiran, kefasikan, serta kemaksiatan.”*⁴¹

Definisi tersebut sama dengan definisi daripada Syalabi yang menjelaskan jihad sebagai “pengerahan daya upaya untuk menolak segala bentuk kejahatan dan mewujudkan kebaikan.”⁴² Dalam pengertian ini, segala aktiviti yang boleh mendatangkan kemaslahatan dan mencegah timbulnya keburukan bagi manusia termasuk dalam cakupan jihad. Oleh itu, ada di kalangan ulama yang menggunakan istilah jihad untuk menyebut aktiviti dalam bidang selain peperangan, seperti jihad dakwah, jihad ekonomi, jihad politik, jihad pendidikan dan lainnya, yang boleh membawa kemajuan bagi umat.⁴³ Pembantaran segala bentuk jenayah, kemaksiatan dan sebagainya, juga termasuk jihad dalam pengertian umum ini. *Bermujādalah* (berdebat) dan menolak tohmahan serta pandangan dan pemikiran yang batil terhadap Islam, menurut al-Qurṭubī, termasuk ke dalam kategori jihad yang terbesar.⁴⁴

dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya...). Lihat Surah Luqman (31): 15.

⁴⁰ Lihat Haykal (1996), *op.cit.*, j.1, h. 40.

⁴¹ Teks aslinya, “الجهاد حقيقة الاجتهاد في حصول ما يحب الله من الإيمان والعمل الصالح، ومن دفع ما يبغض الله من الكفر والفسوق والعصيان.” Dikutip oleh Ibrahim b. ‘Umar b. Hasan al-Rabbat al-Biqā‘i (2002), *al-Istisyhād bi Ayāt al-Jihād*. Kaherah: Dār al-Risālah, h. 15.

⁴² Teks aslinya, “بذل الجهد في مدافعة الشر واستجلاب الخير.” Ahmad Syalabī (1968), *al-Jihād fī al-Taḥkīm al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 17.

⁴³ Menurut Haykal, penggunaan kalimat “jihad” dalam contoh di atas adalah dengan makna “*juhud*”, iaitu mencurahkan daya upaya untuk mencapai kemaslahatan umum dalam bidang-bidang berkenaan. Lihat Haykal (1996), *op.cit.*, j. 3, h. 1607.

⁴⁴ Al-Qurtubi (1372H), *op.cit.*, j. 15, h. 292.

Sungguhpun demikian, sesetengah daripada ulama hanya menumpukan pengertian jihad pada masalah “peperangan.” Hal ini telah menimbulkan persepsi bahawa yang dimaksudkan dengan jihad itu adalah perang semata-mata. Jihad dengan pengertian perang tersebut didefinisikan pula oleh para ulama dengan cara mereka masing-masing. Pandangan-pandangan ulama tersebut dapat digolongkan kepada beberapa kumpulan:

- Memandang jihad sebagai perang defensif untuk membela dan mempertahankan diri daripada serangan musuh.⁴⁵
- Berpendapat bahawa jihad adalah perang agresif untuk membunuh orang-orang kafir dan merobohkan tempat-tempat beribadah bagi mereka.⁴⁶
- Menyatakan bahawa jihad adalah usaha menyampaikan dakwah Islam kepada bukan Muslim dan memerangi mereka yang tidak mahu menerimanya.⁴⁷
- Memandang jihad sebagai gerakan revolusi untuk menukar sistem sosial dunia yang ada dan menggantinya dengan sistem Islam.⁴⁸

⁴⁵ Sulayman al-Jamal mendefinisikannya dengan “قتال الكفار لنصرة الإسلام” (*Memerangi orang-orang kafir untuk menolong (membela) Islam*). Lihat al-Jamal (t.t.), *op.cit.*; Ibn Harun mendefinisikannya sebagai “قتال العدو لإعلاء كلمة الإسلام” (*Memerangi musuh untuk meninggikan kalimah [agama] Islam*). Lihat Muḥammad b. Muḥammad b. ‘Abd al-Rahman al-Maghribi, al-Khaṭṭāb (1978), *Mawāhib al-Jalī li Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*, j. 3, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 347.

⁴⁶ Damad Afandi mendefinisikannya sebagai “قتل الكفار ونحوه من ضربهم ونهب أموالهم وهدم معابدهم وكسر أصنامهم وغيرهم” (*Membunuh orang-orang kafir dan yang sama dengan mereka [kafir harbi, dhimmi yang membatalkan perjanjian, atau orang-orang murtad], dan merampas harta benda mereka, serta merobohkan tempat-tempat beribadah mereka, dan menghancurkan berhala-berhala mereka, dan lain-lainnya*). Lihat Damad Afandi (1316H), *op.cit.*, h. 632. Pandangan ini dikutip oleh al-Bannā dalam bukunya *Risalah al-Jihād*. Lihat Ḥasan al-Bannā (1970), *Risālah al-Jihād*. U.S.A.: IIFSO.

⁴⁷ Beberapa orang ulama fiqh daripada mazhab Hanafi mendefinisikan jihad dengan “الدعاء إلى الدين الحق والقتال مع من لا يقبله” (*Menyampaikan dakwah (mengajak, menyeru) kepada agama yang benar [Islam] dan memerangi orang yang tidak mahu menerimanya*). Lihat al-‘Ayni (1980), *op.cit.*, h. 642; Ibn ‘Ābidīn (1979), *Ḥāsiyah Radd al-Mukhtār ‘alā al-Ḍurar al-Mukhtār: Syarḥ Tanwīr al-Abṣar*, j. 4, c. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 121; Ibn al-Humam (1977), *op.cit.*, h. 345. Al-Samarqandi menjelaskan jihad dengan “الدعاء إلى الدين الحق والقتال مع من امتنع عن القبول” (*Menyampaikan dakwah kepada agama yang benar dan berperang dengan orang yang tidak mahu menerimanya dengan mengorbankan harta benda dan jiwa*). Lihat Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Aḥmad al-Samarqandī (1405H), *Tuḥfah al-Fuqāha*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 293.

⁴⁸ Lihat Abū al-‘Alā al-Mawdūdī (1970), *al-Jihād fī Sabīl Allāh*. U.S.A.: IIFSO, h. 13.

Dalam al-Qur'an pengertian jihad tidak selalu bermakna "perang" menggunakan senjata, melainkan "perjuangan" atau "perlawanan" secara umum. Sebaliknya perang bersenjata diungkapkan dengan perkataan "*al-Qitāl*" atau "*al-Ḥarb*." Ayat-ayat jihad yang turun di Makkah tidak satupun yang bermakna perang bersenjata, seperti yang terdapat pada ayat-ayat berikut:

فَلَا تُطِيعُوا الْكٰفِرِيْنَ وَجٰهِدُوْهُمْ بِهٖ جِهَادًا كَبِيْرًا ﴿٥٢﴾

"Maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir, dan berjihadlah terhadap mereka dengan al-Qur'an dengan jihad yang besar."⁴⁹

(Surah al-Furqān, 25: 52)

وَمَنْ جٰهَدَ فَاِنْمَآ تُجٰهِدُ لِنَفْسِهٖۗ اِنَّ اِلٰهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْعٰلَمِيْنَ ﴿٦﴾

"Dan barangsiapa yang berjihad, maka sesungguhnya jihadnya itu adalah untuk dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kaya dari semesta alam."⁵⁰

(Surah al-'Ankabūt, 29: 6)

⁴⁹ Menurut para ahli tafsir, ayat tersebut memerintahkan kepada Rasulullah agar tidak mengikuti keinginan orang-orang kafir supaya mengikuti tuhan-tuhan mereka, malahan baginda disuruh menghadapi mereka itu dengan membacakan dalil-dalil al-Qur'an yang menunjukkan kebatilan kepercayaan mereka itu. Lihat Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabarī (1995), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān (Tafsīr al-Ṭabarī)*, j. 19. Beirut: Dār al-Fikr, h. 23; Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Bakr b. Farh al-Qurṭubī (1372H), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān (Tafsīr al-Qurṭubī)*, j. 13. Aḥmad 'Abd al-'Alīm al-Bardunī (taḥqīq). Kaherah: Dār al-Sya'b, h. 58; Abū Sa'id 'Abd Allāh Abū 'Umar b. Muḥammad al-Syirāzī al-Bayḍāwī (1996), *Tafsīr al-Bayḍāwī*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 224; Muḥammad b. 'Alī b. Muḥammad al-Syawkānī (t.t.), *Faḥḥ al-Qadīr*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h.81, dan lain-lain.

⁵⁰ Para ahli tafsir menyatakan bahawa makna berjihad dalam ayat tersebut adalah mencakupi usaha yang gigih dan sungguh-sungguh berjuang melawan keinginan yang tidak baik dari hawa nafsu dan tetap taat dalam menjalankan perintah Allah, ataupun tetap teguh dalam menghadapi tentangan orang-orang musyrik dan kafir, maka pahala usaha tersebut sebagai pulangnya akan kembali kepada orang yang berjuang itu. Lihat al-Ṭabarī (1995), *op.cit.*, j. 20, h. 130; al-Bayḍāwī (1996), *op.cit.*, j. 4, h. 308; Abū al-Faḍl Maḥmūd al-Alusī (t.t.), *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm wa al-Sab'i al-Mathānī*, j. 20. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 138; al-Syawkānī (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 193; dan lain-lain.

وَأِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا
 وَصَاحِبَهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۚ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ
 فَأُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

“Dan jika keduanya (ibu bapa) memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku, kemudian hanya kepada-Ku-lah kembalimu, maka Kuberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.”⁵¹

(Surah Luqmān, 31: 15)

Perintah perang ketika di Madinah disebut dengan menggunakan perkataan “*qitāl*” bukannya “*jihād*,” sebagaimana yang terkandung dalam ayat-ayat berikut:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ
 خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ
 لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

“Diwajibkan atas kamu berperang, padahal berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui.”

(Surah al-Baqarah, 2: 216)

⁵¹ Ketika Sa‘ad b. Abī Waqqaṣ masuk Islam sampailah berita itu kepada ibunya, Hamnah bt. Abi Sufyan, ibunya itu lalu bersumpah bahawa dia tidak akan menjamah makanan dan minuman sehingga Sa‘ad murtad kembali mengikuti agama nenek moyang mereka, maka turunlah ayat tersebut. Lihat al-Ṭabarī (1995), *op.cit.*, j. 21, h. 70; al-Bayḍāwī (1996), *op.cit.*, j. 4, h. 347-348; Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Aḥmad al-Wahīdī (1415H), *al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*, j. 2. Ṣafwān ‘Adnān Dawūdī (taḥqīq). Beirut: Dār al-Qalam, h. 829; Abū al-Fidā’ Ismā‘il b. ‘Umar b. Kathīr al-Dimasyqī (1401H), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 406; dan lain-lain.

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقْتُلُونَكُم وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا
يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿١٩٠﴾

“Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.”

(Surah al-Baqarah, 2: 190)

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَعَلِمُوا أَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٤﴾

“Dan berperanglah kamu sekalian di jalan Allah, dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Baqarah, 2: 244)

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ
مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٤٦﴾

“Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak kepada hari kemudian, dan mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar, yang diberikan al-Kitab kepada mereka, sampai mereka membayar jizyah dengan patuh sedang mereka dalam keadaan tunduk.”

(Surah al-Tawbah, 9: 29)

Ada ayat yang memerintahkan berjihad menghadapi orang-orang kafir dan munafiq dengan menggunakan perkataan “*jāhid*” seperti pada ayat di bawah ini:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ ﴿٧٣﴾

“Hai Nabi, berjihadlah (melawan) orang-orang kafir dan orang-orang munafik itu, dan bersikap keraslah terhadap mereka.”

(Surah al-Tawbah, 9: 73)

Pengertian jihad dalam ayat ini tidak harus difahami sebagai “perang bersenjata” sahaja, kerana Nabi tidak pernah memerangi orang-orang munafik dengan senjata, melainkan hanya dengan menggunakan kata-kata.

Makna perkataan jihad dan perkataan-perkataan yang seakar dengannya akan difahami sebagai “perang bersenjata” adalah melalui konteks ayat di mana ia disebut. Ketika ayat itu berbicara tentang perjuangan atau perlawanan menggunakan senjata maka pengertian jihad yang terkandung di dalamnya adalah “perang.” Misalnya yang terkandung dalam ayat-ayat berikut:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ
 فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ
 وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسَيْنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ
 الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

“Tidaklah sama antara mukmin yang duduk yang tidak mempunyai uzur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk satu darjat. Kepada masing-masing mereka Allah menjanjikan pahala yang baik dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk dengan pahala yang besar.”

(Surah al-Nisā’, 4: 95)

وَإِذَا أَنْزَلْنَا سُورَةً أَنْ ءَامِنُوا بِاللَّهِ وَجَاهِدُوا مَعَ رَسُولِهِ اسْتَأْذَنَكَ
 أُولُوا الطَّوْلِ مِنْهُمْ وَقَالُوا ذَرْنَا نَكُنْ مَعَ الْقَاعِدِينَ ﴿٨٦﴾

“Dan apabila diturunkan suatu surat: Berimanlah kamu kepada Allah dan berjihadlah beserta Rasul-Nya, nescaya orang-orang yang sanggup di antara mereka meminta izin kepadamu dan mereka berkata: Biarkanlah kami berada bersama orang-orang yang duduk.”

(Surah al-Tawbah, 9: 86)

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ
أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾

“Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah dengan harta, benda dan diri mereka, adalah lebih tinggi derajatnya di sisi Allah; dan itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.”

(Surah al-Tawbah, 9: 20)

لَيْكِنَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ جَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ
وَأُولَئِكَ لَهُمُ الْخَيْرَاتُ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨٨﴾

“Tetapi Rasul dan orang-orang yang beriman bersama dia, mereka berjihad dengan harta dan diri mereka. Dan mereka itulah orang-orang yang memperoleh kebaikan, dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.”

(Surah al-Tawbah, 9: 88)

ثُمَّ إِنَّ رَبَّكَ لِلذَّيْنِ هَاجَرُوا مِنْ بَعْدِ مَا فُتِنُوا ثُمَّ جَاهَدُوا
وَصَبَرُوا إِنَّ رَبَّكَ مِنَ بَعْدِهَا لَعَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١٠﴾

“Dan sesungguhnya Tuhanmu bagi orang-orang yang berhijrah sesudah menderita cubaan, kemudian mereka berjihad dan sabar; sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu benar-benar Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

(Surah al-Naḥl, 16: 110)

Ayat-ayat yang turun semasa di Madinah yang menunjuk kepada perlawanan bersenjata inilah yang dijadikan landasan oleh kebanyakan ulama untuk menumpukan pengertian jihad kepada “perang” tersebut.

KEGANASAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Dalam literatur Islam tidak dijumpai istilah keganasan atau terorisme, yang ada hanyalah istilah *al-Ḥirābah* dan *al-Bughāh*. *Al-Ḥirābah* adalah aksi jenayah yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang-orang bersenjata untuk mencipta ketakutan, membunuh atau menumpahkan darah, merampas atau merosak harta benda, tanam-tanaman, binatang ternak dan sebagainya. Pelaku kegiatan ini disebut *al-Muḥāribūn* dan *Quṭṭā' al-Ṭarīq*.⁵² Sedangkan *al-Bughāh* digunakan untuk menyebut kumpulan pemberontak yang tidak lagi mentaati, bahkan mengadakan perlawanan bersenjata terhadap kerajaan yang terpilih secara sah.⁵³ Kedua-dua perkara ini memiliki perbezaan dengan terorisme. *Al-Ḥirābah* lebih menjurus kepada aktiviti jenayah tanpa ada tujuan politik di dalamnya, tetapi boleh berubah menjadi terorisme apabila ianya dijadikan oleh kumpulan tertentu sebagai cara untuk mencapai tujuan-tujuan mereka. Sedangkan *al-Bughāh* adalah gerakan pemberontakan, ada unsur politik dalam gerakan tersebut, namun boleh pula berubah menjadi terorisme apabila pihak pemberontak itu menjadikan masyarakat sivil sebagai sasaran untuk mengugut atau menekan pihak lawannya.⁵⁴

Menarik untuk diperhatikan huraian ulama daripada mazhab Hanafi yang membahagikan kumpulan bersenjata yang menentang kerajaan kepada empat golongan: **Pertama**, kelompok penentang kerajaan bukan kerana mereka tersalah dalam menta'wilkan (mentafsirkan) nas-nas agama, sama ada mereka

⁵² Lihat al-Sayyid Sābiq (1995), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2. Kaherah: Syarīkah Manār al-Duwāliyah dan al-Faṭḥ li al-I'lām al-'Arabī, h. 14. Kumpulan tersebut dinamakan "*al-Muḥāribūn*" (gerombolan bersenjata) dan "*Quṭṭā' al-Ṭarīq*" (bandit atau perompak jalanan), kerana lazimnya pada zaman dahulu mereka melakukan aksi kejahatan di jalan-jalan yang dilalui para musafir. Oleh itu, definisi-definisi *al-Ḥirābah* yang dikemukakan oleh sebahagian ulama terdahulu terpusat kepada aksi kejahatan seperti merampas harta benda, membunuh dan sebagainya yang dilakukan oleh orang-orang bersenjata di sepanjang perjalanan. Namun ayat yang berkaitan dengan *al-Ḥirābah* adalah umum, tidak membatasi kegiatan tersebut pada sepanjang jalan sahaja. Lihat Muhammad 'Alī al-Ṣabūnī (1977), *Rawā'i' al-Bayān: Tafṣīr Ayāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, j. 1, c. 2. Damascus: Maktabah al-Ghazali, h. 551.

⁵³ Para ulama berbeza pandangan dalam mendefinisikan *al-Bughāh*, sungguhpun demikian dapat disimpulkan bahawa ianya adalah kumpulan yang mengadakan perlawanan bersenjata terhadap kerajaan. Lihat 'Abd al-Qadīr 'Awdah (1998), *al-Tasyrī' al-Jinā'i al-Islāmī Muqārīnān bi al-Qānūn al-Waḍ'ī*, j. 2, c. 14. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, hh. 673-674.

⁵⁴ Tentang perbezaan antara terorisme dengan jenayah biasa dan kekerasan politik lainnya lihat semula bab II, hh. 63-66.

mempunyai angkatan bersenjata mahupun tidak, mereka keluar merampas harta benda, membunuh, dan menakutkan orang-orang yang sedang dalam perjalanan; mereka ini dinamakan *Quṭṭā' al-Ṭarīq* (bandit). **Kedua**, sama kegiatannya dengan kelompok pertama di atas, tetapi mereka tidak mempunyai angkatan bersenjata, mereka menentang kerajaan kerana tersalah dalam menta'wilkan (mentafsirkan) nas-nas agama; hukum mereka sama dengan hukum *Quṭṭā' al-Ṭarīq*. **Ketiga**, kelompok fanatik bersenjata menentang kerajaan kerana menta'wilkan (mentafsirkan) nas-nas agama, menganggap kerajaan tidak lagi sah diikuti dan telah kafir, atau kerajaan melakukan maksiat dan wajib diperangi sesuai dengan perintah agama sebagaimana mereka ta'wilkan; kumpulan ini dinamakan kumpulan Khawārij, mereka menghalalkan darah kaum Muslimin, merampas harta benda mereka, membolehkan memperbudak kaum perempuan mereka, dan mengkafirkan para sahabat Nabi. Hukum mereka menurut majoriti ulama fiqh dan ulama hadith sama dengan hukum *al-Bughāh* (pemberontak). **Keempat**, kumpulan Muslim yang menentang pemimpin kerajaan yang adil, tetapi mereka tidak menghalalkan darah kaum Muslimin dan tidak pula membolehkan memperbudak para wanita dan kanak-kanak mereka sebagaimana yang dilakukan oleh kumpulan Khawārij, mereka juga tidak mengkafirkan kerajaan; kumpulan ini dinamakan *al-Bughāh* (pemberontak).⁵⁵

Tiga golongan pertama dalam pembahagian di atas menggunakan cara-cara terorisme, sama ada mereka hanya menyerang masyarakat sivil sahaja (kumpulan ke-1 dan ke-2), mahupun menyerang kerajaan dan masyarakat sivil (kumpulan ke-3); sedangkan kumpulan ke-4 hanya menyerang kerajaan sahaja, mereka tidak menyerang masyarakat sivil, kumpulan ini adalah murni pemberontak (*al-Bughāh*), mereka tidak mengamalkan cara-cara terorisme.

Memang apabila dilihat kepada tindakan atau aksi gerakannya, maka terorisme lebih banyak kemiripannya dengan *al-Ḥirābah*, itulah sebabnya *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* menyamaertikan terorisme dengannya.⁵⁶ Namun, jika dilihat pula kepada pelakunya maka terorisme boleh jadi pula digunakan oleh kumpulan *al-Bughāh*. Khalīfah 'Alī b. Abī Ṭālib menamakan kumpulan pemberontak yang memerangnya termasuk Khawārij yang menggunakan cara-

⁵⁵ Lihat 'Abd al-Raḥmān al-Jazayrī (t.t.), *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 368; bandingkan dengan pembahagian kumpulan bersenjata yang dihuraikan oleh 'Abd al-Qadīr 'Awdah (1998), *op.cit.*, j. 2, h. 679.

⁵⁶ Lihat semula definisi terorisme yang dikemukakan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islāmī* pada bab II, h. 50.

cara terorisme dengan *al-Bughāh*.⁵⁷ Sungguhpun demikian, kerana terorisme itu adalah “cara bertindak” maka status yang lebih sesuai dengannya adalah *al-Ḥirābah*. Jika ianya dilakukan oleh kumpulan *al-Bughāh* maka bukan hanya sekadar *al-Bughāh*, sebaliknya adalah “*al-Bughāh*” dan “*al-Ḥirābah*” sekaligus.

KESIMPULAN

Dalam al-Qur'an, pengertian jihad tidak selalu bermakna “perang” menggunakan senjata, melainkan “perjuangan” atau “perlawanan” secara umum. Sebaliknya perang bersenjata diungkapkan dengan perkataan “*al-Qitāl*” atau “*al-Ḥarb*.” Dalam literatur Islam juga tidak dijumpai istilah keganasan atau terorisme, yang ada hanyalah istilah *al-Ḥirābah* dan *al-Bughāh*. *Al-Ḥirābah* adalah aksi jenayah yang dilakukan oleh seseorang atau sekumpulan orang-orang bersenjata untuk menciptakan ketakutan, membunuh atau menumpahkan darah, merampas atau merusak harta benda, tanam-tanaman, binatang ternak dan sebagainya. Sedangkan *al-Bughāh* digunakan untuk menyebut kumpulan pemberontak yang tidak lagi mentaati dan bahkan mengadakan perlawanan bersenjata terhadap kerajaan yang terpilih secara sah. Kedua-dua perkara ini memiliki perbezaan dengan terorisme.

Terdapat banyak faktor yang menyebabkan timbulnya kesalahfahaman terhadap Islam umumnya dan jihad khususnya, antaranya adalah kerana sentimen agama. Agama Yahudi, Nasrani dan Islam sebenarnya berasal daripada satu rumpun, iaitu agama Nabi Ibrahim. Tetapi ketiga-tiga pemeluk agama ini selalu bersaing sejak zaman Nabi Muhammad lagi dan berterusan sehingga ke hari ini. Ketika wilayah-wilayah yang dahulunya dikuasai Barat Kristian (Rom) ditakluk oleh kaum Muslimin dan diikuti oleh ramai penduduk wilayah tersebut memeluk Islam, umat Kristian kehilangan pengaruh. Impak psikologi yang ditimbulkannya ialah punca rasa cemburu, iri hati, dengki yang berkembang menjadi fitnah. Secara ketenteraan, mereka tidak mungkin melawan umat Islam, oleh sebab itu mereka melancarkan perang pemikiran (*ghazw al-fikr*). Saint John adalah orang pertama yang menyusun buku pedoman bagi umat Kristian untuk berpolemik dengan umat Islam. Kemudian diikuti pula oleh ‘Abd al-Masih al-Kindī di Sepanyol. Ia menulis *Risālah* atau *Apology* untuk membela kepercayaan Kristian. Dia menggambarkan Nabi Muhammad sebagai seorang pembunuh, dia tidak lupa mengkritik konsep jihad

⁵⁷ Abū Bakr Muḥammad b. Abī Sahl al-Sarakhsī (1406H), *al-Mabsūt*, j. 2. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 53; ‘Ala’ al-Dīn al-Kasānī, (1982), *Badā’i’ al-Sanā’i’*, j. 1, c. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 312.

dan peperangan-peperangan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Pemikiran-pemikiran Saint John dan al-Kindī telah menimbulkan pengaruh yang amat luas dan lama di seluruh Barat, sama ada dalam karya-karya sastera mahupun karya akademik yang dihasilkan oleh para orientalis kemudiannya. Tetapi pihak gerejalah yang banyak bertanggungjawab dalam menimbulkan imej negatif tentang Islam, ini sudah pun diakui oleh gereja. Selepas Majelis Vatican II (1962-1965), gereja berusaha kembali untuk memulihkan imej Islam yang sudah terlanjur buruk di dunia Barat itu.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Qādir ‘Awdah (1998), *al-Tasyrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqārinan bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, j. 2, c. 14. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Abdurahman Alamoudi (1997), “Images of Muslims in America,” dalam Farish A. Noor (peny.), *Terrorising the Truth*. Penang: Just World Trust (JUST).
- Aḥmad Syalabī (1968), *al-Jihād fī al-Tafkīr al-Islāmī*. Kaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Alighieri, Dante (1954), *The Inferno*. John Ciardi (terj.). New Brunsweck–New Jersey: Rutgers University Press.
- Alusi, Abū al-Faḍl Maḥmūd al- (t.t.), *Rūḥ al-Ma‘āni fī Tafṣīr al-Qur‘ān al-‘Aẓīm wa al-Sab‘i al-Mathānī*, j. 20. Beirut: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arābī.
- Ameer Ali (1974), *The Spirit of Islam*. London: Chatto & Windu.
- Armstrong, Karen (2003), *Perang Suci: Dari Perang Salib Hingga Perang Teluk*, Hikmat Darmawan (terj.), Jakarta: Serambi.
- Attwater, Donald (1970), *The Penguin Dictionary of Saints*, c. 3. Great Britain: Penguin Books Inc.
- Banna, Ḥasan al- (1970), *Risālah al-Jihād*. U.S.A: IIFSO.
- Bayḍawī, Abu Sa‘id ‘Abd Allāh Abu ‘Umar b. Muḥammad al-Syirazi al- (1996), *Tafṣīr al-Bayḍawī*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr.
- Bosworth, C.E. (1980), “The Historical Background of Islamic Civilization,” dlm. R. M. Savory (ed.), *Introduction to Islamic Civilization*. New York, Cambridge: University Press.
- Bowker, John (ed.) (1997), *The Oxford Dictionary of World Religions*. New York: Oxford University Press.

- Brown, L. Carl (2003), *Wajah Islam Politik: Pergulatan Agama & Negara Sepanjang Sejarah Umat*. Abdullah Ali (terj.). Jakarta: PT. Serambi Ilmu Sentosa.
- Bucaille, Maurice (1978), *The Bible, The Qur'an and Science*. Alastair D. Pannell & Maurice Bucaille (terj.). Indianapolis: American Trust Publications.
- Daniel, Norman (1980), *Islam and The West: The Making of An Image*, c. 4. Edinburgh: University Press.
- Denny J.A (2003), "Dua Tahun Tragedi 9/11," *Republika Online*, http://www.republika.co.id/kolom_detail.asp?id=139597&kat_id=16, akses pada 13 September 2003.
- Dimasyqī, Abū al-Fida' Ismā'il b. 'Umar b. Kathīr al- (1401H), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm (Tafsīr Ibn Kathīr)*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Firestone, Reuven (1999), *Jihad: The Origin of Holy War in Islam*. New York: Oxford University Press.
- Habib Siddiqui (2004), "An Analysis of Anti-Islamic Polemics," dalam <http://www.iviews.com/articles/articles.asp?ref=IV0405-2323&p=2>, akses pada 27 Mei 2004.
- Hajah Noresah bt. Baharom, et al. (2002), *Kamus Dewan*, c. 7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hitti, Philip K. (1985), *Islam and the West: a Historical Cultural Survey*. H.M.J. Irawan (terj.). Bandung: Penerbit Sinar Baru.
- Hourani, Albert (1991), *Islam in European Thought*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Huntington, Samuel P. (2000), *Benturan Antarperadaban dan Masa Depan Politik Dunia*. Imron Rosyidi et al. (terj.). Yogyakarta: Penerbit Qalam.
- Ibn 'Ābidīn (1979), *Hāsyiyah Radd al-Mukhtār 'alā al-Ḍurar al-Mukhtār: Syarḥ Tanwīr al-Abṣar*, j. 4, c. 3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Warraq (1995), *Why I am not a Muslim?*. New York: Prometheus Books.
- Jazayrī, 'Abd al-Raḥmān al- (t.t.), *Kitāb al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-Arba'ah*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kamus Am* (1997), Kuala Lumpur: Crescent News Sdn. Bhd.
- Kasānī, 'Ala' al-Dīn al- (1982), *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, j. 1, c. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arābi.

- Khattab, Muḥammad b. Muḥammad b. ‘Abd al-Raḥman al-Maghribī, al- (1978), *Mawāhib al-Jalīl li Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*, j. 3, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Lewis, Bernard (1993), *Islam and the West*. New York: Oxford University Press.
- M. Amin Abdullah (2000), “Relevansi Studi Agama-agama Dalam Milenium Ketiga,” dlm. Amin Abdullah *et al.* (eds), *Mencari Islam: Studi Islam Dengan Berbagai Pendekatan*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Majid Tehranian (2003), “The Center Cannot Hold: Terrorism and Global Change,” dlm. Uwe Johannsen, Alan Smith dan James Gomez (eds.), *September 11 & Political Freedom: Asian Perspectives*. Singapore: Select Pub & Friedrich Naumann Foundation.
- Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī.*
- Mawdūdī, Abu al-A‘la al- (1970), *al-Jihād fī Sabīl Allāh*. U.S.A.: IIFSO.
- Muḥammad Asad (1985), *The Road to Mecca*, Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Muḥammad Khayr Haykal (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siyāsah al-Syar‘iyyah*, j. 1. Beirut: Dār al-Bayariq.
- Qurṭubī, Muḥammad b. Aḥmad b. Abi Bakr b. Farḥ al- (1372H), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur‘ān (Tafsīr al-Qurṭubī)*, j. 13. Aḥmad ‘Abd al-‘Alim al-Barduni (taḥqīq). Kaherah: Dār al-Sya‘b.
- Rodinson, Maxime (1974), “The Western Image and Western Studies of Islam,” dlm. Joseph Schacht & C.E. Bosworth (eds.), *The Legacy of Islam*, c. 2. Oxford: Oxford University Press.
- Runciman, Steven (1957), *A History of The Crusades*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Ṣābūnī, Muḥammad ‘Ali al- (1977), *Rawā‘i‘ al-Bayān: Tafsīr Ayāt al-Aḥkām min al-Qur‘ān*, j. 1, c. 2. Damascus: Maktabah al-Ghazali.
- Saint Augustine’s Ramsgate (1947), *The Book of Saints: A Dictionary of Servants of God Canonized by the Catholic Church; Extracted from the Roman and Other Martyrologies*, c. 4. London: Adam & Charles Black.
- Salvatore, Armando (1997), *Islam and the Political Discourse of Modernity*, United Kingdom: Ithaca Press.
- Samarqandī, Muḥammad b. Aḥmad b. Abī Aḥmad al- (1405H), *Tuhfah al-Fuqahā’*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Sarakhsī, Abū Bakr Muḥammad b. Abī Sahl al- (1406H), *al-Mabsuṭ*, j. 2. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Sayyid Sabiq, al- (1995), *Fiqh al-Sunnah*, j. 2. Kaherah: Syarīkah Manār al-Duwaliyah dan al-Fatḥ li al-I'lām al-'Arābī.
- Setton, Kenneth M. (ed.) (1955), *A History of Crusade*, Philadelphia: University Press.
- Silas (t.t.), "Muhammad, Islam and Terrorism," dalam <http://www.answering-islam.org/Silas/terrorism.htm>, akses pada 20 April 2004.
- Southern, Richard William (1962), *Western Views of Islam in The Middle Ages*, Cambridge: Mass.
- Standard Dictionary of the English Language* (1967), New International Edition. New York: Funk & Wagnells.
- Steenbrink, Karel (1995), *Kawan Dalam Pertikaian: Kaum Kolonial Belanda dan Islam di Indonesia (1596-1942)*. Suryan A. Jamrah (terj.). Bandung: Penerbit Mizan.
- Syawkānī , Muḥammad b. 'Ali b. Muḥammad al- (t.t.), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 4. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ṭabarī, Muḥammad b. Jarīr al- (1995), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān (Tafsīr al-Ṭabarī)*, j. 19. Beirut: Dār al-Fikr.
- The New American Desk Encyclopedia* (1993), c. 3, New York: Signet.
- The New International Webster's Comprehensive Dictionary of The English Language* (1999), Deluxe Encyclopedia Edition, Naples, Florida: Trident Press International.
- The Terrorism Research Center, <http://www.terrorism.com>.
- Utusan Malaysia*, akses pada 13 September 2001.
- Utusan Malaysia*, akses pada 4 dan 5 Oktober 2002.
- W. Said, Edward (1978), *Orientalism*. New York: Pantheon Books.
- Wāḥidī, Abū al-Ḥasan 'Ali b. Aḥmad al- (1415H), *al-Wajīz fī Tafsīr al-Kitāb al-'Azīz*, j. 2. Ṣafwan 'Adnan Dawudi (taḥqīq). Beirut: Dār al-Qalam al-Dār al-Syamiyah.
- Weber, Max (1971), *The Sociology of Religion*, c. 2. Ephraim Fischhoff (terj.), London: Social Science Paperbacks.

